

RABU • 20.09.2017

ALAM AKADEMI

(11muP) m/s: 30



ANIS YUSAL YUSOFF (depan, tengah) bersama pengurusan universiti yang menjayakan program wacana *Merencanakan Ke Arah Negara Berintegriti-IIM Sebagai Wadah di Universiti Malaysia Pahang, Pekan, Pahang, semalam.* - IHSAN UMP

UMP, IIM bergabung bina budaya integriti

Oleh **MOHD. SHARIZA ABDULLAH**
 utusarkn@utusan.com.my

■ Kuantan 19 SEPT.

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) menerusi Pusat Integriti dan Tadbir Urus Korporat Fakulti Pengurusan Industri (FGIC) bekerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan menganjurkan program-program kesedaran bagi membina budaya integriti dalam kalangan masyarakat.

Antara program yang dijalankan ialah sesi dialog bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff dengan tenaga pengajar muda dari Fakulti Pengurusan In-

dustri (FIM) universiti berkenaan bagi membincangkan aspek penulisan, penerbitan dan pembentukan FGIC sebagai pusat rujukan di Pantai Timur.

Anis Yusal berkata, penyarah muda juga boleh menggunakan Perpustakaan IIM sebagai usaha murni dalam merealisasikan hasrat Malaysia mencapai tahap integriti yang lebih baik.

"IIM dan FGIC juga boleh bekerjasama dalam bidang penyelidikan di samping menawarkan khidmat pegawai-pegawai di IIM untuk bertindak sebagai penyelia lapangan bagi penuntut peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dan sarjana dengan melakukan penyelidikan dalam tajuk sama," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, wacana bertajuk *Merencanakan Ke Arah Negara Berintegriti-IIM Sebagai Wadah* yang dipengerusikan oleh Penasihat Undang Undang UMP, Datin Wan Maizurina Wan Othman turut diadakan di kampus universiti itu di Pekan, baru-baru ini.

Program berkenaan turut dihadiri Koordinator FGIC, Prof. Datuk Dr. Hasnah Haron; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Rosli Mohd Yunus; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserri Zainuddin; Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti) universiti itu, Prof. Datuk Dr. Ishak Ismail dan Pendaf-tar UMP, Abd. Hamid Majid.

Yang turut serta, ketua-ketua jabatan dan pengurusan Yayasan Pahang, Kolej Yayasan Pahang, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah dan pegawai-pegawai daripada Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang.

Menurut Hasnah, wacana tersebut membahaskan kepentingan integriti ke arah pembangunan negara dengan memberikan contoh negara yang gagal kerana masalah berkaitan integriti dan tadbir urus korporat yang goyah. "Perkongsiannya ini juga memperkakan pengalaman IIM dalam memperbaiki situasi serta memartabatkan semula imej negara ke arah menjadi negara yang kompetitif dan harmoni," kata beliau.